

**Ambil Kira Kepentingan Rakyat, Kerajaan Tidak Terburu-Buru Laksana Projek -
Devamany
Bernama
4 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak terburu-buru dalam melaksanakan sesuatu projek, sebaliknya sentiasa mengambil kira kepentingan serta kebajikan rakyat, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk SK Devamany.

Beliau berkata setiap projek yang dilaksanakan mengambil masa kerana keprihatinan kerajaan terhadap rakyat di samping perlu membangunkan negara dan menyusun semula struktur sosioekonomi.

"Kerajaan tidak hanya pentingkan pembangunan tetapi mengambil kira beberapa faktor supaya rakyat tidak disisihkan dan sentiasa memastikan kerajaan sentiasa berada di dalam landasan yang betul," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini hari ini.

Pada sesi soal jawab, Devamany semasa menjawab soalan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) mengenai kejayaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi yang dilaksanakan kerajaan, memaklumkan bahawa ia mencatat pencapaian yang mengalakkan dan positif.

Beliau berkata pelaksanaan 138 projek di bawah ETP bernilai RM205.2 bilion menjana Pendapatan Negara Kasar berjumlah RM136.4 bilion dan mewujudkan 372,181 peluang pekerjaan sehingga Sept lepas.

Pada sidang akhbar itu, beliau turut meminta pihak tertentu supaya tidak terus memburuk-burukkan segala usaha yang dilaksanakan kerajaan dengan membuat tohmahan secara melulu.

Sementara itu, Devamany menyeru rakyat menghadiri Ekspo Malaysiaku 2012 anjuran Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri selama tiga hari bermula esok di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

"Ekspo itu memberi peluang kepada rakyat untuk menghayati pembangunan negara sejak awal kemerdekaan sehingga kini dengan mengetengahkan pameran dalam bentuk audio visual dan grafik yang berlatarbelakangkan pembangunan sosio ekonomi negara mengikut dekad," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699559>